



April-June 2017

Berita Rakan Penabur

Warta Suku Tahun yang menghubungkan pelayan penerbitan dan gereja BM



Biarkan Kanak-Kanak Kecil Datang Kepada-Ku

Seorang kawan saya yang terlibat dalam pelayan muda-mudi sering memberitahu para remaja, "Kamu bukan gereja hari esok. Kamu adalah gereja hari ini."

Kebanyakan orang Kristian percaya bahawa kebangunan rohani evangelikal bermula pertama kali pada tahun 1734 di kalangan orang muda di gereja Jonathan Edwards di Northampton, Massachusetts, dan kemudian merebak ke Lembah Connecticut di New England. Tetapi sebenarnya ada kebangunan rohani yang lebih awal di lembah yang berlainan di Eropah tengah - Lembah Sungai Oder. Wilayah ini dikenali sebagai Silesia dan menganjur di sepanjang sempadan Czech-Poland. "Pemberontakan Kanak-kanak" yang berlaku di wilayah ini pada tahun 1708 mengingatkan kita tentang pentingnya kaum muda di gereja, baik di masa lalu mahu pun sekarang.

Kisah kebangunan rohani ini diceritakan dalam satu risalah 41 mukasurat yang diterbitkan di London pada tahun 1708. Ia bermula ketika anak-anak sekolah di Sprottau (dekat Glogau) mula bertemu di padang terbuka di luar kota pada waktu siang, dua atau tiga kali sehari. Mereka akan membentuk bulatan dan berdoa, kadang-kadang bersujud, dan mereka akan menyanyi lagu-lagu Lutheran, membaca Mazmur dan teks-teks renungan. Pertemuan itu kemudian ditutup dengan satu doa pemberkatan.

Tidak lama kemudian orang dewasa juga mula menyertai kanak-kanak ini. Ketika kanak-kanak menyanyi dan berdoa, orang dewasa mula menangis. Di beberapa bandar, seramai 300 hingga 1,000 orang kanak-kanak berkumpul. Majistret tempatan mengeluarkan perintah untuk mereka berhenti, tetapi kanak-kanak itu tidak akan berhenti. Di Frideberg, seorang pengacau telah dihantar dengan cemeti untuk menyebat kanak-kanak yang sedang berkumpul di pasar. Tetapi ketika dia melihat dan mendengar doa-doa mereka, dia tidak dapat melakukannya. Di Breslau, kanak-kanak Roman Katolik menyertai kanak-kanak Lutheran, walaupun perintah yang ketat dari majistret telah dikeluarkan untuk ibu bapa bagi mengurung anak-anak mereka di rumah.

Tidak lama kemudian, kebangunan rohani orang muda ini mula menjadi pemangkin kepada pembaharuan rohani gereja. Teschen, sebuah bandar di selatan Poland, menjadi pusat kebangunan rohani itu. Seseengah orang sanggup berjalan sepanjang malam untuk ke sana. Orang ramai memeneuhi dalam dan luar gereja untuk berdoa, mengaku dosa dan bernyanyi dengan penuh semangat. Kebangunan rohani itu kemudian merebak ke bandar-bandar dan kampung-kampung di sekitar. Teschen adalah pusat kebangunan rohani di Eropah Tengah pada abad ke-18.

Bukankah ini adalah juga kerinduan kita - untuk melihat kebangunan dan penyegaran rohani yang hebat di Malaysia, bermula dengan kanak-kanak? Mereka bukan gereja hari esok. Mereka adalah **gereja hari ini**.



Sowing BM Christian Resources
Bridging Christian Communities

Visi Wawasan Penabur

Menabur, menanam dan menyebarkan bahan sumber Kristian yang terbaik di kalangan umat Kristian berbahasa Malaysia di Malaysia

Berita Rakan Penabur

ialah penerbitan berita elektronik pelayan Wawasan Penabur

Alamat Surat-Menyurat:

P.O.Box: 8327
Pejabat Pos Kelana Jaya,
46787 Petaling Jaya
SELANGOR
Tel/Fax: 03-5888 4987
Email: wawasan.penabur@gmail.com
Website: wawasanpenabur.org

Menabur Bahan Sumber BM Kristian

“Firman-Mu Lampu Bagi Kakiku”

Nama saya Priscillia anak Pagun. Saya dilahirkan di Johor tetapi ibu bapa saya adalah orang Iban dari Sarawak. Saya menulis kepada anda kerana Alkitab Kanak-Kanak yang berwarna-warni yang saya miliki sejak 4 tahun lalu. Ibu saya membelinya untuk saya ketika saya berusia 11 tahun. Sekarang saya berusia 14 tahun dan saya masih membaca Alkitab itu.

Pada hari-hari ketika saya merasa penat dan bimbang tentang kerja rumah dan kegiatan sekolah, saya akan mengambil Alkitab dan membaca satu atau dua bahagian. Membaca Firman Tuhan menyegarkan saya. Melihat betapa pentingnya Firman Allah kepada anak-anak, ibu saya membeli 6 buah lagi untuk diberikan kepada sepupu-sepupu saya. Terima kasih kerana telah membuatkan Alkitab Kanak-Kanak sangat terjangkau dengan hanya RM 5 sebuah! Kami tahu ia pasti berharga lebih tinggi, seperti RM 30 sebuah!

Sejak tahun lepas, saya mula membaca Alkitab orang dewasa. Oleh kerana saya sudah mengetahui beberapa cerita (dengan gambar-gambar yang indah) daripada Alkitab Kanak-Kanak, saya mendapati Alkitab orang dewasa lebih menarik. Adik perempuan saya juga mempunyai Alkitab Kanak-Kanaknya sendiri dan saya selalu mengajaknya untuk membaca Alkitab bersama saya.



Saya juga meminjamkan Alkitab Kanak-Kanak saya kepada rakan Kristian saya di sekolah, kerana dia tidak pergi ke gereja. Tidak lama selepas itu, dia mula meminta ayah dan ibunya pergi ke gereja. Kini mereka selalu ke gereja walaupun ada kalanya mereka tidak boleh pergi kerana masalah pengangkutan. Saya sangat gembira untuk kawan saya itu! Terima kasih kerana telah menerbitkan Alkitab Kanak-Kanak. Tuhan memberkati anda dan pelayanannya.

Menjambatani Komuniti Kristian

Berita Dari Rumah Panjang

Cikgu Bee King adalah seorang guru sekolah rendah di Saratok. Dia juga melayani sebagai guru Sekolah Minggu di gereja. Dalam satu lawatannya ke rumah panjang di Temudok Awik, dia melihat keperluan untuk melayani kanak-kanak di rumah panjang. Kini, bersama-sama dengan Nura dan Corina, mereka menjalankan Kelas Alkitab mingguan dengan menggunakan Alkitab Kanak-Kanak di dua rumah panjang - Temudok Awik dan Ulu Senulau.



Mereka bertemu setiap Jumaat malam dan Sabtu malam. Pertemuan itu bermula dengan masa penyembahan yang pendek. Selepas itu mereka membaca Alkitab bersama-sama. Ini diikuti oleh sesi soal jawab. Kadang-kadang Kuis Alkitab dijalankan untuk mengkaji semula pelajaran minggu sebelumnya. Pertemuan mereka akan diakhiri dengan doa.



Jumlah mereka meningkat setiap minggu dan mereka digalakkan untuk membaca keseluruhan Alkitab itu. Ganjaran kecil diberikan kepada mereka yang selesai membacanya dari kulit ke kulit. Puji Tuhan sehingga kini 14 orang kanak-kanak telah membaca habis Alkitab itu.



Teruslah berdoa untuk Nura, Bee King dan Corina kerana mereka dengan setia terus melawat rumah-rumah panjang untuk memuridkan kanak-kanak. Berdoalah untuk kanak-kanak itu supaya mereka akan mengenali Tuhan secara peribadi, dan menjadi kuat dalam iman mereka ketika mereka membesar. Hampir semua kanak-kanak ini akan meninggalkan rumah panjang dan tinggal di asrama sekolah apabila mereka masuk ke sekolah menengah kelak.



"Saya sendiri telah melihat bagaimana Alkitab Kanak-Kanak menjadi berkat kepada ramai anak-anak di rumah panjang. Kunjungan kami telah membawa dimensi baru dalam kehidupan kanak-kanak ini. Mereka membaca Firman Tuhan, bertanya 'soalan yang sukar' dan Tuhan mengubah persepsi dan paradigma mereka terhadap pendidikan dan kehidupan," tambah Nura.

Yesus berkata, "Selagi siang, kita mesti melakukan tugas Dia yang telah mengutus (kita). Malam akan tiba apabila seorang pun tidak dapat melakukan apa-apa lagi." (Yohanes 9:4, AVB). Sesungguhnya kita juga harus melakukan pekerjaan Dia yang mengutus kita ketika masih ada peluang, kerana masa akan tiba di mana kita akan terhalang daripada melakukan pekerjaan-Nya.



Berita Ringkas

Wawasan Penabur merayakan 7 tahun kebaikan dan kesetiaan Tuhan, dengan satu acara Thanksgiving Dinner pada 20^{hb} April 2017 lalu. Kami juga mengambil peluang itu untuk mempertanggungjawabkan laporan pelayanan kami kepada para rakan sepelayanan dan pendukung.



Siapa Kami

Badan Penasihat

- Rev Wong Fong Yang
- Rev Danil Raut
- Lim Heng Seng
- Rev Datuk Jerry Dusing

Badan Pengurus (Penabur)

- Chow Chee Yan
- Roshan Thiran
- Alfred R. Tais
- Randy Singkee



Bagaimana Kita Boleh Bekerjasama?

- Membangun kesedaran dan menggalang dana.** Saya percaya pelayanan ini berpotensi jangka panjang. Saya ingin berperanan aktif untuk memberitakan inisiatif ini supaya orang lain juga akan beriltizam menguatkan gereja BM melalui tenaga, dana dan doa.
- Menyumbang** kepada **“Kempen Satu Anak Kristian Satu Alkitab”** untuk kanak-kanak Gereja BM Orang Asli, Sabah dan Sarawak
- Menyumbang** kepada **“Inisiatif Penabur Benih”** untuk meletakkan Alkitab Kanak-Kanak di tangan kanak-kanak di rumah panjang dan sekolah di Sarawak.
- Menyumbang** untuk Projek **“Lapan Permata”** supaya bahan pelajaran Pelayanan Kanak-Kanak dapat dicetak untuk guru-guru Sekolah Minggu, Tadika dan Pelayanan Kanak-Kanak.
- Terlibat dalam projek penulisan & penterjemahan.** Saya ingin menyumbang dalam pengembangan sumber BM dengan para penulis, penterjemah dan penerbit yang lain.
- Doa Syafaat.** “Jikalau bukan TUHAN yang membangun rumah, sia-sialah usaha kita yang membangunnya”. Saya mahu serahkan diri kepada Tuhan untuk berdoa bagi gereja-gereja BM dan pelayanan Wawasan Penabur.
- Mensponsor** pekerja sepenuh masa atau pelajar Sekolah Alkitab di pedalaman melalui **“Inisiatif Sikhem”**
- Menyumbang** untuk projek **“Singa Yehuda”** bagi mencetak dan menyebarkan komik Injil dan Apologetika kepada pelajar dan muda mudi.

Saya / Organisasi/Syarikat saya mahu menyumbang untuk pelayanan Wawasan Penabur.

Ini adalah sumbangan saya/kami untuk Wawasan Penabur*: RM _____

Nama : _____ Email: _____

Alamat: _____

Nombor Telefon : _____ (rumah) _____ (pejabat)

_____ (telefon bimbit) _____ (fax)

Cek: atas nama “Wawasan Penabur Sdn Bhd”
Bank-in: Akaun Maybank: 5623 6663 2813

* Sila fax/kirim/email *bank-in-slip* kepada kami.